

Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pelajar Sekolah Menengah Mengikuti Tuisyen Bahasa Inggeris Di Pusat-Pusat Tuisyen Di Sekitar Zon Keramat, Kuala Lumpur

Lokman Binmohd Tahir & Farida Bt Baharudin

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian yang telah dijalankan ini bertujuan untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar sekolah menengah mengikuti tuisyen Bahasa Inggeris. Responden kajian adalah terdiri daripada 148 orang pelajar yang mengikuti kelas tuisyen Bahasa Inggeris di sekitar Zon Keramat, Kuala Lumpur. Satu set soal selidik yang mengandungi 25 item yang berhubung dengan persoalan kajian telah diedarkan kepada pelajar. Data dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) bagi mendapatkan peratusan dan min. Dari hasil kajian mendapati bahawa faktor utama pelajar menghadiri tuisyen Bahasa Inggeris adalah kerana pengaruh daripada rakan-rakan. Pelajar juga menghadiri tuisyen kerana pengaruh guru di sekolah, pengaruh daripada pusat tuisyen dan minat pelajar itu sendiri. Hasil kajian juga menunjukkan ibu bapa merupakan faktor yang paling kurang mempengaruhi pelajar mengikuti tuisyen Bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, tuisyen dapat membantu keperluan pembelajaran iaitu untuk mendapat pendidikan tambahan bagi menampung mana-mana yang kurang dari pembelajaran di sekolah. Sehubungan dengan itu, adalah dicadangkan, bahawa proses pembelajaran di sekolah guru-guru menggunakan pelbagai pendekatan untuk menarik minat pelajar kerana setiap pelajar mempunyai kesediaan dan kebolehan yang berbeza untuk belajar.

Katakunci : faktor, tuisyen Bahasa Inggeris

Pengenalan

"...kita tidak akan dapat pelajar yang berkualiti di sekolah menengah jika di sekolah rendah mereka tidak didedahkan dengan kualiti pendidikan yang baik. Sama juga di universiti untuk mendapat pelajar yang baik mestilah mereka mendapat pendidikan baik di sekolah menengah barulah mereka menjadi pelajar berjaya di universiti..."

(Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi)

Petikan di atas yang diambil daripada tajuk Pelajar Berkualiti Lahir Daripada Pendidikan Baik Di Semua Peringkat. Melalui ucapan Perdana Menteri, beliau amat memberi penekanan terhadap setiap peringkat pendidikan anak-anak ke arah melahirkan modal insan yang berkualiti. Terdahulu ketika berucap di hadapan kira-kira 7,000 pelajar sekolah menengah, Perdana Menteri memuji langkah Yayasan Gabungan Pendidik Melayu Semenanjung yang terus menganjurkan Kelas Bimbingan Sijil Pelajaran Malaysia kepada pelajar supaya mereka mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan tersebut. Beliau juga menekankan bahawa program bimbingan dan kelas tuisyen amat berfaedah dalam membantu meningkatkan kemampuan pelajaran kanak-kanak serta mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan.

Falsafah pendidikan negara mengandungi idea dan pandangan yang rasional terhadap pendidikan. Tujuan Falsafah pendidikan ialah memberi panduan dan haluan kepada pakar pendidikan untuk merancang atau mereformasikan sistem pendidikan negara berlandaskan idea, konsep dan matlamat pendidikan yang dicerminkan dalam Falsafah Pendidikan Negara.

Dalam konteks pelaksanaannya, sistem pendidikan pada masa kini lebih menumpukan kepada peperiksaan mensyaratkan pelajar-pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang sahaja yang dibenarkan memasuki sekolah-sekolah berasrama penuh. Keputusan peperiksaan

pelajar juga menjadi ukuran kepada pelajar sekolah berasrama penuh. Namun begitu, di sekolah-sekolah biasa sesebuah kelas dihuni oleh lebih daripada 35 orang pelajar dan mereka ini terdiri daripada pelbagai perbezaan seperti kecerdasan, minat dan motivasi. Guru-guru tidak dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada setiap pelajar. Sehubungan dengan itu, murid berprestasi rendah dalam akademik akan sentiasa merasakan dirinya serba kekurangan, menganggap pelajaran susah untuk difahami, mempunyai perasaan cemas apabila berhadapan dengan guru dan rakan-rakan serta tidak berasa gembira apabila berada di sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002). Kebanyakan murid berprestasi rendah didapati mempunyai beberapa kelemahan diri seperti kadar keresahan yang tinggi, sentiasa bertindak secara defensif di hadapan pihak yang berkuasa, merasakan diri mereka diabaikan dan tidak mempunyai matlamat yang realistik (Gaver et al., 1984). Dalam hal ini, cabaran seorang guru adalah untuk menyediakan satu cara pengajaran yang berkesan bagi membantu murid-murid berprestasi rendah ini.

Persoalannya, mengapakah pelajar-pelajar sekolah kini begitu ghairah untuk mengikuti kelas di pusat-pusat tuisyen yang semakin hari semakin banyak didaftarkan di Jabatan Pelajaran Negeri? Adakah masih wujud kepincangan di sekolah yang menyebabkan pelajar-pelajar dan ibu bapa kurang yakin dengan kemampuan sekolah untuk melahirkan insan yang berilmu dan berketrampilan untuk mendukung arus pembangunan negara?

Pernyataan Masalah

Kini semakin ramai pelajar yang mengikuti kelas tuisyen Bahasa Inggeris di pusat-pusat tuisyen yang terdiri daripada pelbagai peringkat usia sama ada pelajar sekolah rendah atau menengah ataupun pelajar daripada berbagai peringkat kecerdasan samada pandai, sederhana ataupun lemah. Adakah kerana pengajaran di sekolah yang lebih berfokus kepada murid yang mempunyai kebolehan sederhana dan pandai menyebabkan pengajaran tuisyen menjadi popular? Tidak hairanlah maka pengajaran juga bertumpu kepada kaedah yang sesuai untuk mereka. Guru lebih suka mengajar secara langsung kerana kaedah tuisyen dikatakan adalah satu cara yang cepat dan boleh menyampaikan maklumat dengan banyak. Amalan ini memang menjadi perkara yang biasa bagi kebanyakan pengajar. Adakah disebabkan campurtangan guru, rakan sebaya, ibu bapa dan pusat tuisyen itu sendiri mendorong pelajar untuk mengikuti kelas tuisyen Bahasa Inggeris.

Objektif Kajian

Objektif kajian secara umumnya adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar sekolah mengikuti tuisyen Bahasa Inggeris di pusatpusat tuisyen.

Objektif Khusus

1. Mengkaji minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Inggeris yang mendorong mereka mengikuti tuisyen di luar.
2. Mengkaji pengaruh rakan sebaya yang mempengaruhi pelajar mengikuti kelas tuisyen di luar.
3. Mengkaji pengaruh pusat tuisyen yang dapat mendorong pelajar mengikuti kelas tuisyen Bahasa Inggeris.
4. Mengkaji pengaruh guru Bahasa Inggeris di sekolah yang mendorong pelajar mengikuti kelas tuisyen di luar.

5. Mengkaji pengaruh keluarga (ibu bapa dan penjaga) yang mendorong pelajar mengikuti kelas tuisyen di luar.

Kepentingan Kajian

Secara umumnya, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong pelajar-pelajar sekolah mengikuti kelas tuisyen Bahasa Inggeris di pusat-pusat tuisyen. Adalah diharapkan hasil daripada kajian ini kelak dapat dimanfaatkan oleh pihak-pihak yang terbabit dalam dunia pendidikan, khususnya para pendidik dan sekolah amnya.

Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan adalah suatu kajian penyelidikan yang berbentuk perihalatau deskriptif dengan menggunakan kaedah kuantitatif yang dibuat secara kajian kes. Deskriptif adalah penulisan untuk menerangkan satu keadaan atau situasi secara bersistem dan berfakta dengan tepat (Mohd Najib, 1998). Oleh itu, penggunaan soalselidik adalah satu kaedah yang paling sesuai dalam pengumpulan data kerana kaedah analisis datanya mudah dilakukan berbanding dengan kaedah pemerhatian langsung yang memerlukan kemahiran terlatih serta memerlukan masa yang lama (Mohd Najib, 1998).

Teknik penyelidikan melalui kaedah tinjauan adalah satu kaedah yang mudah, iaitu sampel diberikan alat untuk dipenuhi maklumat dan maklumat diproses mengikut kaedah analisis yang dirancang oleh penyelidik (Mohd. Najib, 2003). Oleh sebab itu, penggunaan soal selidik merupakan cara yang sangat berkesan dan praktikal untuk mendapatkan maklumat tentang sesuatu maklumat. Salah satu kebaikan soal selidik adalah ianya menjamin kerahsiaan dan ini akan dapat mencungkil maklumat yang tepat dari responden (Ary, et al., 1990).

Rekabentuk kajian ini ialah tinjauan dengan menggunakan soal selidik. Soal selidik ini mengandungi dua bahagian. Bahagian A mengandungi soal selidik yang terdiri daripada item-item demografi responden seperti jantina, tahun atau tingkatan di sekolah, bilangan mata pelajaran yang diikuti di pusat tuisyen, jumlah bayaran tuisyen untuk setiap bulan, bilangan adik beradik yang sedang mengikuti kelas tuisyen, kekerapan menghadiri kelas tuisyen Bahasa Inggeris dalam seminggu dan pekerjaan ibu/bapa atau penjaga. Bahagian B pula mengandungi item-item yang berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi pelajar mengikuti kelas tuisyen Bahasa Inggeris.

Penyelidik telah memilih kaedah soal selidik dalam kajian ini sebagai instrument. Kaedah ini digunakan kerana:

- i) Maklumat yang diperolehi adalah tepat dan lengkap.
- ii) Soal selidik adalah sesuatu yang seragam dan semua responden yang menjawab soalan akan menjawab soalan-soalan yang sama.
- iii) Soal selidik dapat menjimatkan masa, perbelanjaan dan tenaga penyelidik.
- iv) Responden mungkin lebih selesa memberikan respon melalui soal selidik berbanding melalui temuramah dan pemerhatian.

Kajian ini bertujuan untuk meninjau faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar sekolah mengikuti kelas tuisyen Bahasa Inggeris. Faktor-faktor tersebut boleh diklasifikasikan kepada:

- a) Aspek sikap pelajar terhadap Bahasa Inggeris dan pembelajaran Bahasa Inggeris
- b) Aspek pengaruh rakan sebaya
- c) Aspek pengaruh guru Bahasa Inggeris di sekolah
- d) Aspek pengaruh ibu bapa/ penjaga dan keluarga
- e) Aspek pengaruh pusat tuisyen

Persampelan

Responden dalam kajian ini ialah 148 orang pelajar yang mengikuti kelas tuisyen Bahasa Inggeris di pusat-pusat tuisyen di sekitar Zon Keramat, Kuala Lumpur. Persampelan rawak mudah strata telah digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan keseimbangan. Kriteria pelajar-pelajar yang terlibat ialah pelajar lelaki dan pelajar perempuan dari tingkatan 1 sehingga tingkatan 5. Bilangan sampel yang diambil ialah dengan rasional:

- a) Lebih besar peratus sampel yang diambil untuk kajian adalah lebih baik kerana pengkaji mempunyai lebih kemungkinan dapat memilih sampel yang mempunyai ciri-ciri yang serupa dengan populasi.
- b) Dengan mengambil bilangan sampel yang besar akan dapat mengurangkan ralat keputusan yang diperolehi.

(Mohamed Najib Abd Ghaffar, 1997)

Sampel dipilih secara rawak daripada pusat tuisyen yang berikut:

1. Pusat Tuisyen Ming
2. Pusat Tuisyen Kasturi
3. Pusat Tuisyen Emkay
4. Pusat Tuisyen Smart
5. Pusat Tuisyen Taman Permata
6. Pusat Tuisyen Suria Jaya
7. Pusat Tuisyen Lestari
8. Pusat Tuisyen Tunas
9. Pusat Tuisyen Saujana
10. Pusat Tuisyen Gemilang
11. Pusat Tuisyen Setiawangsa
12. Pusat Tuisyen Prijaya
13. Pusat Tuisyen Sri Sepakat

Pusat-pusat tuisyen tersebut dipilih kerana terdapatnya sampel yang terdiri daripada pelajar yang menghadiri tuisyen yang dapat mewakili populasi dari segi penempatan tempat tinggal. Walau bagaimanapun, pelajar yang menghadiri tuisyen di tempat-tempat tersebut setengah-setengahnya datang dari kawasan lain contohnya dari sekitar Zon Sentul, Zon Bangsar dan Zon Pudu. Kriteria yang ditentukan oleh pengkaji ke atas responden adalah seperti berikut:

1. Pelajar sekolah bantuan penuh kerajaan atau bantuan kerajaan
2. Menghadiri tuisyen di kelas atau pusat tuisyen anjuran swasta
3. Sedang belajar di tingkatan satu hingga tingkatan lima.

Penyelidik telah pergi ke setiap kelas yang telah dikenalpasi untuk mengedarkan soal selidik kepada responden. Borang soal selidik jugs telah diedarkan kepada responden sehingga cukup bilangan yang dikehendaki.

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, alat atau instrumen pengukuran yang digunakan adalah satu set borang soal selidik yang dirangka bagi mendapatkan maklum balas dari responden. Soal selidik merupakan instrumen kajian yang lazim digunakan dalam kajian deskriptif. Menurut Mohd Najib (2003), soal selidik ialah alat atau instrumen yang digunakan untuk mengukur tingkah laku responden dan produk kepada penggunaan alat pengukur ini adalah data. Pembinaan soal selidik pula, dilakukan adalah berdasarkan kepada beberapa perkara yang telah dikemukakan oleh Wolf (dalam Megat Azizi, 2002), iaitu :-

- i) Responden dapat membaca dan memahami item-item dalam soal selidik dengan baik.
- ii) Responden mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang mencukupi untuk menjawab item-item di dalam soal selidik.
- iii) Responden secara sukarela dan ikhlas menjawab soal selidik.

Pengkaji memilih soal selidik sebagai instrumen kajian kerana soal selidik itu sendiri mempunyai kelebihannya. Mengikut Mohd Sheffie (1995), soal selidik mempunyai kelebihan kerana boleh diagihkan dan diedarkan dengan cepat, mudah dan dapat meliputi kawasan yang luas. Ia juga mempunyai kelebihan dari segi kos dan masa.

Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A merupakan soalan yang berkaitan dengan demografi responden seperti jantina, tingkatan di sekolah, bilangan mata pelajaran yang diikuti di pusat tuisyen, jumlah bayaran tuisyen untuk setiap bulan, bilangan adik beradik yang sedang mengikuti kelas tuisyen, kekerapan menghadiri kelas tuisyen Bahasa Inggeris dalam seminggu dan pekerjaan ibu/bapa atau penjaga dan keluarga.

Latar belakang responden amat penting bagi kegunaan penyelidik membuat perkaitan dengan persoalan yang hendak dikaji mengikut keperluan tertentu. Responden dikehendaki menandakan tanda (√) pada ruang petak yang disediakan.

Bahagian B terdiri daripada 5 bahagian yang mengandungi soalan yang berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi responden mengikuti kelas tuisyen Bahasa Inggeris di sekolah. Bahagian-bahagian tersebut adalah seperti:

- i) Aspek sikap pelajar terhadap Bahasa Inggeris dan pembelajaran Bahasa Inggeris
- ii) Aspek pengaruh rakan sebaya
- iii) Aspek pengaruh guru Bahasa Inggeris di sekolah
- iv) Aspek pengaruh ibu bapa/ penjaga dan keluarga
- v) Aspek pengaruh pusat tuisyen

Soal selidik ini melibatkan 32 item kesemuanya. Bahagian A mempunyai 7 soalan dan Bahagian B mengandungi 25 soalan. Kandungan yang terdapat dalam soal selidik boleh difahami dengan lebih jelas adalah berdasarkan kepada Jadual 1 di bawah :-

Jadual 1 : Pembahagian Item Bahagian B

Konstruk	No. Item Soal Selidik	Jumlah
a) Aspek sikap pelajar terhadap Bahasa Inggeris dan pembelajaran Bahasa Inggeris	1,2,3,4,5	5
b) Aspek pengaruh rakan sebaya	6,7,8,9,10	5
c) Aspek pengaruh guru Bahasa Inggeris di sekolah	11,12,13,14,15	5
d) Aspek pengaruh ibu bapa/penjaga dan keluarga	16,17,18,19,20	5
e) Aspek pengaruh pusat tuisyen	21,22,23,24,25	5

Pengukuran yang digunakan di dalam soal selidik Bahagian B adalah berdasarkan kepada Skala Pangkatan atau Skala Likert yang terdiri daripada lima bentuk pilihan jawapan. Skala Likert yang digunakan adalah untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar mengikuti kelas tuisyen Bahasa Inggeris berdasarkan kepada beberapa pilihan jawapan. Pilihan jawapan ialah “Amat Tidak Setuju”, “Tidak Setuju”, “Kurang Setuju”, “Setuju” dan “Amat Setuju” di mana responden dikehendaki menjawab soalan dengan membulatkan skor pada ruang jawapan yang telah disediakan. Jadual 2 di bawah menunjukkan cara pemarkahan beban tugas.

Jadual 2 : Cara Pemarkahan Faktor Pemilihan

Skor	Pilihan
1	Amat Tidak Setuju (ATS)
2	Tidak Setuju (TS)
3	Kurang Setuju (KS)
4	Setuju (S)
5	Amat Setuju (AS)

Kajian ini bertujuan untuk menyelidiki pelbagai aspek pelajar yang menghadiri kelas tuisyen di luar waktu persekolahan mereka dan mengenai tanggapan dan pandangan mereka terhadap tuisyen yang mereka hadiri. Oleh itu, pemilihan skala jenis ini amat sesuai kerana ianya tidak memerlukan proses analisis yang rumit. Disamping itu, ia juga mudah dibina dan difahami oleh responden. Skala Pemeringkatan Likert juga amat popular di kalangan pengkaji-pengkaji.

Kajian Rintis

Bagi mendapatkan kebolehpercayaan dan kesahan alat kajian iaitu instrument kajian, ujian rintis akan dijalankan ke atas 20 orang pelajar sekolah menengah yang mengikuti kelas tuisyen Bahasa Inggeris di Taman Universiti, Skudai, Johor. Kajian rintis ini bertujuan untuk mengetahui sama ada responden memahami atau tidak soalan-soalan yang dikemukakan dan melihat kesesuaian item-item yang digunakan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaannya. Set soal selidik diproses dengan menggunakan Perisian Statistical Package for Social Science (SPSS).

Tujuan utama kajian rintis dijalankan adalah bagi menentukan kebolehpercayaan dan kesahan instrumen. Ianya membolehkan penyelidik mengenal pasti kekurangan item soal selidik dan instrumen kajian dalam membuat beberapa perubahan supaya tidak menjejaskan hasil kajian Sprinthal (dalam Megat Azizi, 2002).

Menurut Mohd Najib (2003), kajian rintis ialah satu aktiviti yang penting bagi setiap kajian tinjauan di mana selain daripada menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, ia juga digunakan untuk menguji kaedah terbaik mentadbir instrumen, mengenal sampel dan kesesuaian kaedah analisis. Oleh sebab itu, bagi memastikan instrumen kajian yang digunakan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan, satu kajian rintis perlu dijalankan sebelum kajian sebenar dilaksanakan.

Analisis Keseluruhan

Jadual 3: Purata Keseluruhan Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pelajar Mengikuti Kelas Tuisyen Bahasa Inggeris

PERSOALAN KAJIAN	PURATA MIN KESELURUHAN
Adakah faktor minat pelajar mendorong mereka mengikuti kelas tuisyen di luar?	3.02
Adakah pelajar-pelajar dipengaruhi oleh rakan sebaya untuk mengikuti kelas tuisyen Bahasa Inggeris?	3.38
Adakah pengaruh pusat tuisyen yang mendorong pelajar mengikuti kelas tuisyen Bahasa Inggeris?	3.14
Adakah faktor pelajar-pelajar mengikuti kelas tuisyen berbayar kerana mereka tidak dapat mengikuti pengajaran guru di sekolah?	3.22
Adakah ibu bapa dan keluarga mendorong pelajar mengikuti kelas tuisyen Bahasa Inggeris?	2.74

Berdasarkan daripada jadual 3 di atas, pengkaji mendapati bahawa faktor yang paling mempengaruhi pelajar mengikuti kelas tuisyen Bahasa Inggeris di sekitar Zon Keramat, Kuala Lumpur ialah faktor daripada pengaruh rakan sebaya. Ini mungkin disebabkan pelajar melihat prestasi rakan yang meningkat setelah mengikuti tuisyen bagi mata pelajaran ini.

Faktor pengaruh guru di sekolah, pula merupakan faktor yang kedua tertinggi mempengaruhi pelajar mengikuti kelas tuisyen Bahasa Inggeris. Majoriti pelajar bersependapat bahawa guru-guru Bahasa Inggeris di sekolahlah yang menggalakkan mereka mengikuti tuisyen Bahasa Inggeris. Faktor ini mungkin disebabkan oleh guru Bahasa Inggeris di sekolah mereka ingin melihat prestasi pelajar meningkat dalam mata pelajaran tersebut.

Pelajar juga mengikuti kelas tuisyen Bahasa Inggeris kerana pengaruh pusat tuisyen itu sendiri. Ini dapat dilihat daripada data yang diperolehi iaitu majoriti pelajar mengatakan bahawa guru Bahasa Inggeris di pusat tuisyen pernah mengajar mereka di sekolah. Secara tidak langsung, menunjukkan bahawa mereka mengikuti tuisyen akibat pengaruh guru di tempat tuisyen.

Faktor minat pelajar itu sendiri kurang mempengaruhi mereka sebenarnya untuk mengikuti kelas tuisyen Bahasa Inggeris. Ini dapat dilihat hanya 3.02 sahaja nilai min yang

diperolehi. Walau bagaimanapun, oleh kerana ingin memperbaiki pencapaian mereka dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, mereka mengambil inisiatif sendiri untuk ke kelas tuisyen.

Sementara itu, ibu bapa dan penjaga sangat kurang mempengaruhi anak mereka untuk mengikuti kelas tuisyen Bahasa Inggeris. Ini dapat dilihat daripada min keseluruhan iaitu 2.74 sahaja. Perkara ini dilihat sebagai amat menghairankan kerana ibu bapa dilihat sebagai orang yang paling rapat dengan anak mereka tetapi mungkin atas dasar sibuk bekerja membuatkan mereka tidak mempunyai masa untuk memantau pelajaran anak mereka.

Rujukan

- Alias Md Shah (1999). "Kajian Mengenai Pelajar yang Mengikuti Kelas Tuisyen Matematik Berbayar di Luar Waktu Persekolahan". Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda.
- Ee Ah Meng (1999). "Pelajar Cemerlang." Shah Alam: Fajar Bakti. Ee Ah Meng (1993). "Pedagogi II : Amalan Dalam Bilik Darjah". Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Effendi Zakaria, Norazah Mohd Nordin, Sabri Ahmad (2007). Trend Pengajaran dan Pembelajaran Matematik. Utusan Publications.
- Jumaliah Rahmat (1999). "Persepsi Pelajar Terhadap Tuisyen dan Kesannya terhadap Pembelajaran Mereka di Sekolah". Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Mohd Nasuha Jamidin (1995). "Kemahiran Berfikir dan Belajar". Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohd. Yusof Othman (1993). " Modul Pembinaan Budaya Ilmu." Edisi kedua. Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
- Mok Soon Sang (1994a). "Penilaian, Pemulihan dan Pengayaan dalam Pendidikan". Kuala Lumpur: Percetakan Sentosa.
- Mok Soon Sang (1994b). "Asas Pedagogi dalam Pengajaran dan Pembelajaran". Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Normah Mohd Taib (1993). "Keberkesanan Kelas Tuisyen Terhadap Pencapaian Akademik Menurut Pandangan Pelajar-Satu Tinjauan di Dua Buah Sekolah Menengah Vokasional". Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Rashidi Azizan dan Abdul Razak Aabib (1986). " Pengajaran Dalam Bilik Darjah". Kuala Lumpur: Masa Enterprise.
- Razali Arop (1991). "Pengantar Kurikulum". Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salihan Siasis (1991). " Teknik Belajar Yang Berkesan." Kuala Lumpur: Penerbitan Sri Maju Sdn.Bhd.
- Shahril @ Charil Marzuki etc (1994). "Pendidikan di Malaysia". Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Siti Nor Shafinaz Sheikh Maznan (1999). "Bilik Darjah ... tahap kesesakan membimbangkan". Utusan Malaysia 5 Oktober.